



# Penerbit UMP rai Sidang Editor Jurnal

13 April 2021

Disediakan Oleh: Safriza Baharuddin, Penerbit UMP

PEKAN, 31 Mac 2021 - Buat julung kalinya, Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Majlis Aspirasi Sidang Editor Jurnal di Eksekutif Lounge, Perpustakaan UMP, Pekan. bagi meraikan dan menghargai para Editor yang bertungkus-lumus dalam memastikan jurnal UMP kekal dan diterbitkan secara berterusan.

Pengarah Penerbit UMP, Muhammad Azli Shukri berkata, kerja sebagai Editor bukannya mudah, ia tidak dibayar imbuhan dan banyak masa dikorbankan dalam menerbitkan Jurnal UMP ini.

"Pada tahun ini, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (P&I) dan Penerbit UMP berusaha untuk merangka pelan strategik yang lebih komprehensif bagi membentuk ekosistem penerbitan jurnal yang lebih baik, mantap dan berkualiti.

"Pelan yang akan datang, Penerbit UMP akan terus memastikan program dijalankan secara berterusan.

"Antaranya ialah menganjurkan Bengkel Audit Pemantapan Jurnal, perkongsian secara maya '*Managing Scholarly Journals: What Editors Should Know Series 1 and 2*' bersama Profesor Dato' Dr. Roslan Abd Syukor dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Profesor Madya Ts. Dr. Amir Khalid dari Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Bengkel Pengindeksan Jurnal oleh Noor Hapipah Samat, Pengarah Bahagian Sitasi dan Infometrik, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Bengkel Open Journal Sistem (OJS) oleh Dr. Mohd Hasnun Arif Hassan, Penyelaras OJS UMP) dan juga Bengkel Kompetensi Editor Jurnal UMP," katanya.

Hadir merasmikan majlis ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli.

Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli, dalam ucapannya turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua Sidang Editor Jurnal UMP atas sumbangan dalam menjayakan penerbitan Jurnal UMP.

"Sumbangan dan komitmen ini ternyata tidak dibayar dan para Editor perlu berkerja lebih masa daripada tugas hakiki sebagai pensyarah.

"Kita juga akan memperkasakan digitalisasi iaitu semua jurnal diterbitkan secara dalam talian.

"Harapan saya agar selepas empat tahun, setiap artikel jurnal UMP ini akan diterbitkan di dalam SCOPUS," katanya.

Beliau turut menasihatkan agar berhati-hati apabila menerbitkan di dalam jurnal-jurnal yang mengelirukan.

Pada masa yang sama, Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi turut menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada semua Editor yang terlibat di dalam penerbitan Jurnal UMP.

**Jurnal UMP yang Diterbitkan Sepanjang Tahun 2020**

BIL.	FAKULTI / PTJ	NAMA JURNAL
1.	Pusat Kejuruteraan Automotif	IJAME International Journal of Automotive and Mechanical Engineering
2.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif	JMES Journal of Mechanical Engineering and Sciences
3.	Pusat Kelestarian Ekosistem dan Sumber Alam	IJETS International Journal of Engineering Technology and Sciences
4.	Pusat Bahasa Moden	IJLEAL International Journal of Language Education and Applied Linguistics
5.	Fakulti Komputeran	IJSECS International Journal of Software Engineering and Computer Systems
6.	Fakulti Pengurusan Industri	IJIM International Journal of Industrial Management
7.	Pusat Sains Kemanusiaan	IJHTC International Journal of Humanities Technology and Civilization
8.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses	JCEIB Journal of Chemical Engineering and Industrial Biotechnology
9.	Fakulti Pengurusan Industri	JGI Journal of Governance and Integrity
10.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik	JMMST Journal of Modern Manufacturing Systems and Technology

11.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik	MEKATRONIKA
12.	Pusat Sains Matematik	DAAM Data Analytics and Applied Mathematics
13.	Jabatan Kejuruteraan Awam, Kolej Kejuruteraan	CONSTRUCTION*
14.	Fakulti Sains dan Teknologi Industri	CST* Current Science and Technology

\* jurnal baharu.

TAGS / KEYWORDS

[Jurnal](#)

[EDITOR](#)